

19/12/2001

Perpecahan punca malapetaka

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur sikap sesetengah umat Islam yang menyifatkan sebagai takdir sebarang kejadian atau malapetaka yang menimpa ummah, termasuk di Afghanistan dan Palestin.

Perdana Menteri mengingatkan, segala kebaikan saja yang datang daripada Allah tetapi keburukan itu datang daripada kelemahan orang Islam dan disebabkan oleh orang Islam itu sendiri.

Oleh itu katanya, umat Islam tidak seharusnya menyatakan semua malapetaka itu sudah ditakdirkan. Ini kerana jika mereka tidak berusaha untuk menguatkan diri sendiri, mereka akan menerima padahnya seperti yang berlaku di Afghanistan sekarang.

"Kita lihat sekarang ini di Palestin. Puak Yahudi dengan sewenang-wenangnya dapat menyerang Palestin dan tidak ada satu pun negara Islam yang mampu pergi menyelamatkan orang Islam di Palestin.

"Apakah kita boleh berkata kita tidak berdosa kerana kita tidak dapat menakutkan musuh kita sedangkan agama kita menyuruh kita membuat persediaan untuk menggerunkan musuh-musuh kita?

"Tetapi kita tidak. Kita tidak berbuat demikian kerana kita berpendapat bahawa memadai dengan kita menunaikan Fardu Ain dan kita berdoa meminta kepada tuhan dan lepas itu kita tidak buat apa satu pun untuk menyelamatkan diri kita. Dengan itu kita tidak selamat," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika berucap pada majlis pertemuan secara tertutup dengan pemimpin pelajar institusi pengajian tinggi tempatan di kediaman rasminya di Seri Perdana di Putrajaya, baru-baru ini. Teks penuh ucapannya disiarkan dalam laman web pejabat Perdana Menteri.

Beliau berkata, satu bilion umat Islam di dunia ini melihat apa yang berlaku di Afghanistan tetapi tidak dapat berbuat apa-apa, selain merayu supaya Afghanistan tidak diserang.

"Umat Islam merayu kepada kuasa asing, selain membuat protes mungkin di negara sendiri dan cuba menjatuhkan kerajaan di negara sendiri. Lebih daripada itu orang Islam tidak dapat buat apa-apa.

"Malapetaka ini jatuh ke atas kita kerana kita tidak pegang sebenarnya kepada ajaran Islam. Sementara kita bercakap berapi-api nak berjihad, nak berlawan dengan musuh, tetapi sebelum kita lawan dengan musuh, kita berperang sesama sendiri dan kita halang segala usaha untuk menguatkan negara Islam," katanya.

Beliau berkata, di Afghanistan sewaktu pemerintahan Mujahidin, keadaan tidaklah lebih baik daripada Taliban kerana mereka juga membunuh ramai daripada pengikut dan orang Taliban yang bermusuh dengan mereka.

"Mereka juga sering bergaduh sesama puak mereka, keturunan mereka sehingga sering bermusuh, berperang dan bunuh membunuh," katanya.

"Apakah ini orang yang berpegang kepada agama Islam sedangkan Islam menyeru umat-Nya bersaudara, berbaik-baik, bersatu padu sesama orang Islam.

"Tetapi tidak ada perpaduan, tidak ada persaudaraan sesama orang Islam di Afghanistan. Mereka sering berperang sesama mereka. Hari ini kita lihat musuh Islam menyerang mereka dengan bom, dengan roket dan ramai daripada mereka yang cedera... ramai yang meninggal dunia, lebih ramai lagi daripada mereka yang terpaksa melarikan diri ke negara jiran dalam keadaan cemas, tanpa kain baju, tanpa makanan, tanpa apa-apa harta benda.

"Sekarang ini mereka hidup merana di Pakistan. Tidak ramai daripada mereka yang akan dapat mengelak pelbagai jenis penyakit. Inilah nasib yang

menimpa orang Afghanistan," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan pelajar bahawa pelajaran adalah sesuatu yang baik untuk diri mereka, bangsa, agama dan negara.

"Terpulanglah kepada kita sendiri untuk memikir tentang tanggungjawab kita. Kalau pelajar mengabaikan tugas yang diletak di bahu mereka, sebaliknya menghabiskan masa belajar untuk melempar fitnah, membuat tuduhan yang tidak berasas dan dengan itu pencapaian orang Islam di Malaysia ini begitu buruk sekali, dan nasib kita menjadi buruk pada masa hadapan, kita tidak boleh salahkan sesiapa.

"Kita perlu salahkan diri kita sendiri. Sama-samalah kita fikir mengenai perkara ini. Saya bersyukur kerana pelajar masih sedar tanggungjawab mereka dan saya yakin mereka tidak akan menghampakan harapan bangsa, agama dan negara kita Malaysia," katanya.

(END)